



HARI : RABU

TARIKH : 6/11/2019

M/SURAT : 12

## RINGKAS



PESERTA Program Kepenggunaan KPDNHEP Cawangan Kajang.

### 'Didik pelajar jadi pengguna bijak'

**Bangi:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor sentiasa menjalankan program kepenggunaan di sekolah dalam mendidik pelajar supaya menjadi pengguna bijak.

Pengaruhnya, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, kuasa membeli di kalangan pelajar semakin besar terutama di luar waktu persekolahan.

Katanya, pihaknya berharap program itu mampu memberi pendedahan awal kepada mereka mengenai hak kepenggunaan.

"Generasi muda termasuk pelajar perlu mengetahui hak

membuat pilihan, mendapatkan ganti rugi dan maklumat diperlukan jika terperdaya.

"Pendedahan ini juga sejajar dengan perkembangan teknologi kerana mereka mungkin lebih gemar membeli secara dalam talian sekali gus terdedah kepada penipuan," katanya.

Beliau ketika ditemui selepas Program Kepenggunaan KPDNHEP Cawangan Kajang di Sekolah Kebangsaan Bangi, semalam.

Muhamad Zikril berkata, program bermula jam 8 pagi sehingga 12 tengah hari itu membabitkan 40 pegawai dan penguat kuasa KPDNHEP.